

**POLITIK  
DAN  
DASAR  
AWAM**

*Malaysia*

**DR. AHMAD ATORY HUSSAIN**

# Isi

<i>Bab 1</i>	Definisi Dasar Awam	1
<i>Bab 2</i>	Peranan Analisis Dasar Awam	6
<i>Bab 3</i>	Pendekatan Pembentukan Dasar Awam	13
<i>Bab 4</i>	Analisis Dasar Awam	49
<i>Bab 5</i>	Aktor Dalam Pembentukan Dasar Awam	59
<i>Bab 6</i>	Parti Politik Sebagai Aktor	68
<i>Bab 7</i>	Kelakuan Politik Dalam UMNO	93
<i>Bab 8</i>	Peranan Ahli Politik Dan Pentadbiran	101
<i>Bab 9</i>	Campur Tangan Ahli Politik	123
<i>Bab 10</i>	Dasar YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed	130

<i>Bab 11</i>	Dasar Luar Negeri	154
<i>Bab 12</i>	Dasar Belia Negara	166
<i>Bab 13</i>	Dasar Perumahan Negara	174
<i>Bab 14</i>	Dasar Perindustrian	186
<i>Bab 15</i>	Dasar Belanjawan Negara	197
<i>Bab 16</i>	Dasar Pertanian Malaysia	204
<i>Bab 17</i>	Pindaan Undang-Undang Buruh: 1980	211
<i>Bab 18</i>	Dasar Rancangan Lima Tahun Malaysia	217
<i>Bab 19</i>	Akta Universiti dan Kolej Universiti	225
<i>Bab 20</i>	Dasar Awam ke Atas Pembangunan Luar Bandar	233
<i>Bab 21</i>	Dasar Pendidikan Kebangsaan	242
<i>Bab 22</i>	Dasar Awam Ditinjau dari Model Analitik	255
<i>Bab 23</i>	Kos Sosial dan Keuntungan Sosial	272
<i>Bab 24</i>	Pembentukan Perbelanjaan Kerajaan	281
	Rujukan	289
	Indeks	293

# 1 Definisi Dasar Awam

Dasar awam adalah yang mengenai tindakan-tindakan kerajaan. Ia dikaitkan dengan disiplin sains politik serta kebolehan disiplin akademik tersebut menghurai, menganalisis menerangkan dasar awam itu. Dasar awam dikatakan juga sebagai apa juga langkah kerajaan untuk memilih membuat atau memilih tidak membuat.

David Easton, ahli sains politik yang terkemuka mentafsirkan dasar awam sebagai nilai peruntukan pihak berkuasa bagi keseluruhan masyarakat. Lasswell dan Kaplan pula, mentafsirkan dasar awam sebagai program bagi nilai amalan dan matlamat yang telah diproyekkan. Walau bagaimanapun, kita harus melihat dasar itu dari segi kerajaan itu sendiri, yang apabila ia memilih sesuatu dasar itu, maka ia mesti mempunyai sesuatu tujuan atau matlamat. Jika dasar itu tanpa matlamat bererti ia bukanlah dasar yang sebenarnya.

Kerajaan membuat banyak perkara; misalnya membuat perkara mengatasi konflik dalam masyarakat, menyusun masyarakat, mengeluarkan perkhidmatan kepada ahli-ahli masyarakat, mengutip cukai daripada rakyat. Dengan itu, dasar awam menjadi lebih teratur, tersebar lebih berorganisasi lagi sifatnya. Dasar-dasar awam boleh mengurus dengan pelbagai bidang yang lebih luas lagi, seperti hal-ehwal luar negeri, kebajikan tentera, polis, pencucuaian, perumahan, keselamatan sosial, kesihatan, peluang-peluang ekonomi, pembangunan bandar, inflasi dan kemerosotan ekonomi dan lain-lain lagi. Ia mungkin melibatkan soal-soal dasar peperangan, kewangan negara dan segala macam masalah dasar awam.

Pada peringkat permulaan, dasar awam tidaklah begitu diambil perhatian serius oleh sains politik. Apa yang dilihatnya ialah yang

berkisar kepada dasar yang dijalankan oleh kerajaan dan gerak kuasa yang membentuk dasar itu serta impaknya kepada masyarakat.

Perhatian utama sains politik masih kurang menumpukan dasar tetapi lebih kepada institusi dan struktur kerajaan serta kelakuan politik dan proses yang dikaitkan dengan pembuatan keputusan. Secara tradisinya, sains politik melibatkan kajian-kajian seperti parlimen, pembahagian kuasa, kuasa Perdana Menteri, mahkamah, hubungan kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan, perkembangan politik semasa, perundangan dan perwakilan. Tetapi dari segi kandungan dasar awam itu misalnya, masih belum lagi diteroka oleh sains politik. Setakat ini, buku-buku yang menerangkan dasar awam masih tidak wujud lagi di negara ini.

Walau bagaimanapun, fokus sains politik hari ini telah berubah ke arah dasar awam iaitu kepada penghuraian, penerangan, sebab-sebab dan akibat dari aktiviti kerajaan itu sendiri. Ini termasuklah huraian mengenai dasar awam, penilaian impak dari gerak kuasa persekitaran ke atas kandungan dasar awam, analisis kesan ke atas berbagai-bagai peraturan institusi dan proses-proses politik penyelidikan ke atas akibat daripada berbagai-bagai keputusan awam untuk sistem politik<sup>4</sup> dan penilaian impak dari dasar awam ke atas masyarakat; misalnya apakah impak daripada peperangan dan kemelesetan ke atas pertumbuhan aktiviti kerajaan? Apakah keutamaan-keutamaan yang nyata di dalam dasar-dasar peperangan dan keperluan dasar dalam negeri? Apakah kesan impak daripada peristiwa 13 Mei? Mengapa kerajaan Malaysia memerlukan Dasar Pandang Ke Timur? Apakah impak Penswastan dan Persyarikatan Malaysia? Apakah impak Dasar Pendidikan Kebangsaan? Apakah impak Dasar Ekonomi Baru? Mengapakah dasar persetinggan kurang berkesan? Apakah impak penubuhan bank Islam? Apakah dasar penerapan nilai Islam itu berjaya? Dan berbagai-bagai lagi dasar kerajaan misalnya terhadap skandal BMF. Apakah kesan skandal itu kepada negara?

### **Mengapa Perlu Mengkaji Dasar Awam**

Secara tradisinya, kebanyakan kita menganggap apabila Parlimen atau Dewan Negeri bersidang, maka matlamat undang-undang dan perbelanjaan pasti akan dicapai. Mereka menganggap apabila sahaja